

BERITA HARIAN

DATE: 06/08/2007

3 tonggak utama bina negara

BH-6/8/2007

Raja Dr Nazrin mahu generasi muda pastikan pembangunan dilaksanakan secara berkesan

KUALA LUMPUR: Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah semalam, menggariskan tiga tonggak utama dalam memastikan usaha pembinaan negara dapat dilaksanakan secara berkesan dan berkekalan, termasuk kedaulatan undang-undang serta keluhuran Perlembagaan.


Dua tonggak lagi ialah keadilan ekonomi dan sosial bagi semua rakyat serta tadbir urus yang baik serta masyarakat sivil yang berkembang pesat, titah baginda ketika menyampaikan ucapan utama pada Sidang Kemuncak Pemimpin Pelajar kali pertama, di sini, semalam.

Dalam ucapan bertajuk "Cabaran dan Prospek Dalam Pembinaan Negara - Pengajaran Bagi Golongan Muda dan Bijak" Raja Nazrin bertitah, Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi negara ini, yang menjamin kebebasan asas bagi setiap warganegara.

Titahnya, dokumen yang digubal dengan penuh kebijaksanaan itu, memperuntukkan secara jelas, cara yang patut diambil bagi menegur dan memperbetulkan tindakan yang melampaui batas melalui pemisahan kuasa antara badan eksekutif, perundangan dan kehakiman, yang masing-masing dilindungi daripada diceroboh oleh satu sama lain.

"Sering dikatakan kebanyakan salah faham dapat dielakkan jika prinsip yang termaktub dalam Perlembagaan dipatuhi secara tegas. Menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang adalah langkah paling penting," titahnya.

Mengenai keadilan ekonomi dan sosial, Raja Nazrin bertitah, semua



LAWATAN DIRAJA: Raja Dr Nazrin melawat pameran sambil diiringi dua pemimpin pelajar, Wan Mohd Firdaus Wan Mohd Fuaad dan Wan Hanaa Mardhiah Wan Zainuddin pada Sidang Kemuncak Pemimpin Pelajar, di Kuala Lumpur, semalam.

kumpulan dalam masyarakat, tanpa mengira etnik, agama atau gender, perlu terbabit dalam membuat keputusan yang memberi kesan terhadap kehidupan serta rezeki mereka.

"Mereka perlu ada suara dan tempat dalam semua sektor. Mereka perlu memikul tanggungjawab yang sama banyak dalam memastikan kejayaan masyarakat. Rakan untuk kita bekerja dan bermain, persahabatan yang kita jalin, jangan sekali-kali disempitkan oleh faktor etnik," titahnya.

Raja Nazrin bertitah bahawa tanggapan, semangat kedaerahan dan si-

“Penting bagi kita mempunyai pemimpin yang mempunyai keazaman tinggi untuk memelihara perpaduan”

Raja Dr Nazrin Shah
Raja Muda Perak

kap cauvinis, boleh dibasmi jika seseorang itu berinteraksi secara aktif dengan mereka daripada kumpulan etnik atau agama lain, sekalipun ia hanya membabitkan seorang guru, polis atau rakan sekolah.

Mengenai tonggak ketiga, iaitu tadbir urus yang baik dan masyarakat sivil yang berkembang pesat, Raja Nazrin bertitah bahawa institusi tadbir urus perlu mempamerkan dan menjana norma serta perlakuan yang cekap, produktif serta adil.

"Hanya mereka yang berkemam-

puan, bertanggungjawab dan benar-benar jujur saja dibenarkan menyanggah jawatan pemimpin. Mereka yang tidak cekap, tidak berkebolehan dan paling penting, mengamalkan rasuah, perlu dipinggirkan secara habis-habisan," titahnya.

Raja Nazrin juga bertitah bahawa langkah konkrit bagi mencegah amalan rasuah dan melahirkan amalan pengurusan yang berteraskan kecekapan, ketelusan serta kebertanggungjawaban, perlu diwujudkan.

"Amat penting bagi kita mempunyai pemimpin yang mempunyai keazaman yang tinggi untuk memelihara perpaduan dan tidak menggunakan agama serta semangat etnik bagi mengukuhkan kerjanya politiknya, hingga sanggup menggadai keamanan dan keselamatan," titahnya.

Raja Nazrin bertitah bahawa jika pemimpin yang dipilih gagal berbuat demikian, maka mereka perlu bertanggungjawab dengan apa yang mereka lakukan dan dibawa ke muka pengadilan.

Dalam titah ucapannya, Raja Nazrin turut mengemukakan beberapa cadangan mengenai bagaimana rakyat Malaysia, khususnya pemimpin muda, boleh menyumbang ke arah meneruskan kejayaan dalam pembinaan negara.

Langkah pertama, titah baginda, ialah memahami Perlembagaan Persekutuan, undang-undang tertinggi negara, yang menjamin hak setiap rakyat Malaysia.

"Sejajar dengan ini, integriti dokumen itu perlu dilindungi," titah baginda. - Bernama

MOHD RADZI BUJANG/BERITA HARIAN